

SOALAN NO: 406

telah siap dilaksanakan di DUN Inanam. Di samping itu, jumlah menara komersial yang telah siap dilaksanakan untuk menyediakan perkhidmatan selular dan jalur lebar mudah alih di Parlimen Sepanggar adalah sebanyak 71 menara, dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 29 menara telah siap dilaksanakan di DUN Inanam.

Selain itu, pihak Kerajaan turut melaksanakan penaiktarafan rangkaian perkhidmatan jalur lebar talian tetap melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 1 dan Fasa 2 (HSBB1 dan HSBB2) yang mampu menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga 100 Mbps. Setakat kini, sebanyak 12,112 sambungan yang melibatkan 2 ibusawat telah siap dilaksanakan di Parlimen Sepanggar. Kesemua inisiatif-inisiatif ini sedang giat dilaksanakan bagi menambah baik mutu perkhidmatan jalur lebar.